



Pastikan Benar Bernama.com

MENU

BERITA EKONOMI

Unit Crest Builder jual tanah di Mont Kiara pada harga RM34 juta

Tarikh kemaskini: 28/06/2018

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) – Anak syarikat milik penuh Crest Builder Holdings Bhd, Nepfield Sdn Bhd, mengadakan perjanjian jual beli dengan Sunrise Pioneer Sdn Bhd untuk menjual sebidang tanah berukuran kira-kira 1.189 hektar di Mont Kiara, di sini, pada harga RM34 juta.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, kumpulan berkenaan berkata, tanah berkenaan asalnya diperoleh Nepfield pada 14 Jun, 2004, pada harga RM6.2 juta, justeru kumpulan berkenaan menjangka memperoleh keuntungan daripada penjualan itu, selepas cukai, berjumlah kira-kira RM15.24 juta.

Menurut Crest Builder, langkah itu dijangka diselesaikan menjelang akhir setengah tahun kedua tahun ini.

"Hasil kasar yang dijangkakan sebanyak RM34 juta daripada langkah berkenaan dijangka digunakan untuk tujuan modal kerja, dalam masa setahun daripada tarikh lengkapnya jual beli itu," kata syarikat itu.

Cadangan penjualan itu tidak memberi sebarang kesan kepada modal saham terbitan dan membayar syarikat atau pegangan saham pemegang saham terbesar syarikat, " tambah syarikat itu.....

Untuk berita penuh sila langgan [BERNAMA.com Xtra](#) [Klik di sini]

[» Senarai berita](#)

Berita Utama Terdahulu

- [Najib akan didakwa tidak lama lagi - Tun Mahathir](#)
- [PM tiba untuk lawatan rasmi dua hari ke Indonesia](#)
- [Pengurangan besar hutang kerajaan beberapa bulan lagi – PM Mahathir](#)
- [Kampung di negeri pembangkang turut terima peruntukan, tiada diskriminasi - TPM](#)
- [Nilai barang rampasan di premis milik bekas PM dibuat oleh pakar - Fuzi](#)